

بَابُ نَوْمِ الرِّجَالِ فِي الْمَسْجِدِ وَقَالَ أَبُو قِلَابَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَدِيمَ رَهْطٍ مِنْ عُكْلٍ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَانُوا فِي الصُّفَّةِ وَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الصَّدِيقِ كَانَ أَصْحَابُ الصُّفَّةِ الْفُقَرَاءَ

31- Bab Tidur Orang-Orang Lelaki Di Dalam Masjid.⁶³⁰ Abu Qilabah Meriwayatkan Daripada Anas Bin Malik, Katanya: "Satu Kumpulan Orang 'Ukl

lelaki dan perempuan yang susah. (3) Elok keluar dari negeri yang membuatkan seseorang mendapat malu atau menyebabkannya hidup sengsara. (4) Adakalanya fitnah yang berlaku ke atas seseorang mengakibatkan kebaikan dan kebahagiaannya di kemudian hari. (5) Kelebihan berhijrah dari negeri kafir ke negeri Islam. (6) Kelebihan berpindah dari tempat yang kurang baik ke tempat yang lebih baik. (7) Doa orang yang dizalimi diterima Allah walaupun dia seorang kafir. (8) Peristiwa penting dalam kehidupan seseorang tidak akan dilupainya. Ia akan sentiasa menyebut dan mengenangnya. Peristiwa penting dalam kehidupan seseorang sering juga mencetuskan idea-idea bernas dan melahirkan hasil-hasil seni yang tiada tolak bandingnya, berupa karya-karya agung atau puisi-puisi yang sangat bernilai. (8) Menempatkan seseorang di dalam masjid bukan bererti menghinanya malah ia bererti memuliakannya kerana masjid adalah tempat yang paling mulia di bumi. (9) Masjid sepatutnya menjadi tempat yang paling selamat untuk seseorang muslim. Kalau di luar masjid seseorang yang beriman berkewajipan menjaga keselamatan dan maruah saudara seagamanya, maka di dalam masjid lebih-lebih lagi dia perlu menjaganya. (10) Oleh kerana masjid merupakan tempat berlindung dan tempat beribadat orang-orang Islam, ia sewajarnya terbuka setiap masa kepada semua lapisan masyarakat. (11) Oleh kerana masjid juga merupakan pusat penyebaran da'wah dan ilmu Islam, maka sewajarnya kaum lelaki dan kaum perempuan kedua-duanya sekali bebas memasukinya dan berada di dalamnya tanpa mengira waktu dan ketika. (12) Seringkali juga aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang merangkumi kaum lelaki dan perempuan diadakan di masjid seperti majlis 'aqad nikah, derma darah dan sebagainya. Ijtihad Bukhari dan tokoh-tokoh 'ulama' yang sependapat dengannya sesuai sekali dipilih dan diguna pakai untuk melancarkan perjalanan aktiviti-aktiviti seperti itu. (13) Hadits-hadits yang menunjukkan perempuan harus masuk ke dalam masjid dan berada di dalamnya dalam keadaan berhaidh lebih kuat dan lebih tinggi kedudukannya daripada yang tidak mengharuskan.

⁶³⁰ Menerusi bab ini pula Imam Bukhari mahu menegaskan keharusan orang-orang lelaki tidur dan menetap di dalam masjid dengan menjaga adab-adabnya. Kalau orang-orang perempuan pun dibenarkan tidur dan menetap di dalamnya, tentu sekali golongan lelaki lebih-lebih lagi dibenarkan meskipun mereka terdedah kepada ihtilam atau janabah. Namun begitu para 'ulama' tidak sekata juga dalam masalah ini. Kerana itulah Bukhari tidak membuat keputusan yang mu'tamad tentang hukumnya. Ibnu Mas'ud, Thaawus, Mujahid, Malik, Al-Auzaa'i, Ahmad dan Ishaq berpendapat, tidur di dalam masjid adalah sekurang-kurangnya makruh kepada orang lelaki tempatan yang mempunyai kediaman. Ia hanya dibenarkan (diharuskan) kepada orang lelaki yang tidak mempunyai kediaman atau orang lelaki yang bermusafir. Ibnu 'Umar, Sa'id bin al-Musa'iyab, 'Athaa', Ibnu Sirin, Sulaiman bin Yasaar, Hasan al-Bashri, Abu Hanifah, Syafi'e, Sufyan ats-Tsauri dan jumhur 'ulama' berpendapat harus. Tetapi jika dia mempunyai kediaman, adalah lebih elok kepadanya tidur di kediamannya sendiri. Imam Bukhari dalam masalah ini sependapat dengan jumhur 'ulama'. Ibnu 'Abbaas pula diriwayatkan berpendapat, tidak mengapa (harus) tidur di dalam masjid jika maksudnya ialah menunggu sembahyang. Tetapi beliau tidak membenarkan masjid dijadikan sebagai tempat tidur yang tetap buat selama-lamanya. Selain daripada mengisytarkan kepada perbezaan pandangan 'ulama' berhubung dengan masalah ini dan menyatakan pandangan beliau sendiri tentangnya, Imam Bukhari juga mahu mengingatkan para pembaca Sahihnya kepada hadits-hadits yang dengan terang melarang orang-orang lelaki daripada tidur di dalam masjid. Hadits-hadits seperti itu sebenarnya tidak ada satu pun yang sahih. Kalau tidak maudhu', paling tinggi ia dhaif. Oleh itu ia sama sekali tidak boleh dijadikan dalil dan hujjah. Antaranya ialah hadits riwayat 'Abdur Razzaaq daripada Jabir ini:

عبد الرزاق عن يحيى بن العلاء عن حرام بن عثمان عن ابني جابر عن عبد الله قال اتانا رسول الله صلى الله عليه وسلم ونحن مضطجعون في مسجده فضربنا بعسيب كان في يده وقال قوموا لا ترقدوا في المسجد

Bermaksud: Kata Jabir: "Pernah Rasulullah s.a.w. datang kepada kami ketika kami sedang berbaring (tidur) di dalam masjidnya. Beliau s.a.w. memukul kami dengan pelepah tamar (yang tidak berdaun) yang berada di tangannya sambil berkata: "Bangun! Jangan tidur di dalam masjid."

Datang Kepada Nabi S.A.W. Lalu Mereka Tinggal Di Shuffah (Serambi Masjid).⁶³¹ Abdur Rahman Bin Abi Bakr Menceritakan: "Ahli-Ahli Suffah Itu Adalah Orang-Orang Miskin."⁶³²

٤٢١ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي نَافِعٌ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ أَنََّّهُ كَانَ يَنَامُ وَهُوَ شَابٌّ أَغْرَبُ لَا أَهْلَ لَهُ فِي مَسْجِدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

421- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Ubaidillah, katanya: Naafi' meriwayatkan kepadaku, katanya: 'Abdullah bin 'Umar memberitahuku: "Bahawa semasa muda belia dan belum berumah tangga, dia selalu tidur di dalam masjid Nabi s.a.w."⁶³³

Hadits ini tidak sahih, malah ia mungkar dan maudhu'. Ia mungkar kerana bercanggah dengan hadits-hadits sahih seperti yang dikemukakan oleh Bukhari sendiri di bawah bab ini, dan ia maudhu' kerana di dalam isnadnya ada Yahya bin al-'Alaa' dan Haraam bin 'Utsman. Yahya bin al-'Alaa' adalah seorang perawi yang tertuduh berdusta dan mereka hadits. Walaupun Hafash bin Maisarah menjadi mutaabi' kepadanya dalam meriwayatkan hadits ini daripada Haraam, tetapi dengan lafaz yang sedikit berbeza daripada riwayat Yahya bin al-'Alaa' dan dengan tambahan yang jelas menunjukkan kekarutannya. Berikut ialah riwayat Hafash bin Maisarah daripada Haraam itu:

قال جاء رسول الله صلى الله عليه وسلم ونحن مضطجعون في المسجد فضر بنا بعسيب فقال أترقدون في المسجد! إنه لا يرقد فيه قال فأجفنا وأجفل على فقال تعالى يا علي إنه يحل لك من المسجد ما يحل لى والذى نفسي بيده إنك لذواد عن حوضي يوم القيامة

Bermaksud: Kata Jabir: "Pernah Rasulullah s.a.w. datang kepada kami ketika kami sedang berbaring (tidur) di dalam masjidnya. Beliau s.a.w. memukul kami dengan pelepah tamar (yang tidak berdaun) sambil berkata: "Kamu tidur di dalam masjid?! Tidak boleh tidur di dalamnya! Kata Jabir: "Kami bergegas hendak pergi. 'Ali juga bergegas hendak pergi. Tiba-tiba Baginda s.a.w. berkata: "Kemari wahai 'Ali! Sesungguhnya masjid ini halal kepadamu seperti ia halal untukku. Demi tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, sesungguhnya engkau akan benar-benar menjaga kolamku di hari qiamat nanti."

Itulah sebabnya Imam Zahabi di dalam Mizan al-i'tidaal dan Hafiz Ibnu Hajar di dalam Lisan al-Mizaan mengatakan hadits yang diriwayatkan oleh Hafash bin Maisarah daripada Haraam bin 'Utsman ini *منكر جِدًّا* (sangat mungkar iaitu bercanggah sangat dengan hadits-hadits sahih). Haraam bin 'Utsman pula adalah seorang perawi dha'if. Imam Malik dan Yahya berkata: "Dia tidak boleh dipercayai." Imam Ahmad berkata: "Para 'ulama' meninggalkan (tidak mahu menerima) haditsnya." Ibnu Hibbaan berkata: "Haraam seorang yang melampau dalam fahaman syi'ahnya. Dia selalu menterbalikkan sanad-sanad hadits dan memarfuk'kan hadits yang mursal." Imam Syafi'e dan Yahya bin Ma'in bahkan mengatakan: "Haram meriwayatkan hadits daripada Haraam."

⁶³¹ Ta'liq ini adalah sebahagian daripada hadits yang mengisahkan tentang golongan 'Ukl dan 'Urainah yang telah pun tersebut di bawah Kitab at-Thaharah dahulu di dalam hadits no:226. Imam Bukhari memaushulkannya dengan lafaz ini di dalam Kitab al-Muharibin nanti melalui saluran riwayat Wuhaib daripada Ayyub daripada Abi Qilaabah ('Abdullah bin Zaid) daripada Anas. Perkataan رَهط digunakan khusus untuk kumpulan orang-orang lelaki yang bilangannya kurang daripada sepuluh orang. عكْل ialah nama satu qabilah 'Arab. Shuffah ialah serambi masjid Nabi s.a.w. yang beratap. Ia menjadi tempat tinggal golongan sahabat yang susah, tidak berumah tangga atau datang dari jauh.

⁶³² Ta'liq ini adalah permulaan satu hadits yang panjang. Imam Bukhari nanti akan mengemukakannya dengan panjang lebar di dalam باب السمر مع الضيف والأهل (Bab Berborak-Borak Di Waktu Malam Dengan Tetamu Dan Ahli Keluarga) dan باب علامات النبوة في الإسلام (Bab Tanda-Tanda KeNabian Menurut Islam). 'Abdur Rahman ini ialah anak Saiyyidina Abu Bakr As-Shiddiq r.a.

⁶³³ Antara panduan dan petunjuk yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Ia jelas menunjukkan keharusan orang lelaki tidur di dalam masjid walaupun dia bukan seorang musafir. (2) Orang yang mempunyai kediaman yang tidak jauh dari masjid juga boleh tidur dan duduk di dalam masjid. (3) Imam Tirmizi dengan sanadnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar, beliau menceritakan, katanya: كُنَّا نَنَامُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ وَنَحْنُ شَبَابٌ Bermaksud: "Kami orang-orang muda selalu tidur di dalam masjid di zaman Rasulullah s.a.w." Hadits ini menunjukkan bukan Ibnu 'Umar seorang

٤٢٢ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ أَبِي حَازِمٍ عَنْ أَبِي حَازِمٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْتَ فَاطِمَةَ فَلَمْ يَجِدْ عَلِيًّا فِي الْبَيْتِ فَقَالَ أَيْنَ ابْنُ عَمَلِكٍ قَالَتْ كَانَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ شَيْءٌ فَعَاضْبَنِي فَخَرَجَ فَلَمْ يَقُلْ عِنْدِي فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِإِنْسَانٍ انْظُرْ أَيْنَ هُوَ فَجَاءَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ هُوَ فِي الْمَسْجِدِ رَاقِدٌ فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ مُضْطَجِعٌ قَدْ سَقَطَ رِدَاؤُهُ عَنْ شِقِّهِ وَأَصَابَهُ تُرَابٌ فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْسَحُهُ عَنْهُ وَيَقُولُ قُمْ أَبَا تُرَابٍ قُمْ أَبَا تُرَابٍ

422- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Aziz bin Abi Hazim meriwayatkan kepada kami daripada Abi Hazim daripada Sahal bin Sa'ad, katanya: "Pernah Rasulullah s.a.w. ke rumah Fathimah tetapi tidak mendapati `Ali di rumah". Maka Baginda s.a.w. bertanya: "Di mana anak pakcikmu?"⁶³⁴ Jawab Fathimah: "Ada berlaku sesuatu (perselisihan) di antara saya dan dia, membuatkan saya naik marah. Dia pun keluar dan tidak tidur tengah hari di rumah." Rasulullah s.a.w. berkata kepada seseorang: "Pergi tengok di mana dia." (Setelah pergi) Orang itu pun datang lalu berkata: "Wahai Rasulullah s.a.w, dia sedang tidur di dalam masjid." Rasulullah s.a.w. pun pergi. Ketika itu dia (`Ali) sedang berbaring dalam keadaan kain selimutnya terjatuh dari lambungnya dan tubuhnya terkena tanah."

sahaja yang tidur di dalam masjid di zaman Rasulullah s.a.w. tetapi ramai lagi kawan-kawan sebayanya turut tidur bersamanya di masjid. (4) Dari segi keharusan tidur atau berada selama beberapa hari di dalam masjid sama ada dengan niat beri'tikaf atau tidak, tiada bezanya antara masjid Nabi s.a.w. dan masjid-masjid yang lain. (5) Mengharuskan orang lelaki tidur dan berada di dalam masjid selama beberapa hari tanpa sebarang gangguan secara tidak langsung akan menjinakkan mereka dengan masjid. (6) Para sahabat Nabi s.a.w. begitu mesra dengan masjid. Mereka membesar dalam keadaan terdidik menyukai masjid semenjak zaman remaja lagi. (7) Mafhum daripada kata-kata Ibnu `Umar: "Bahawa semasa muda belia dan belum berumah tangga, dia selalu tidur di dalam masjid Nabi s.a.w." ialah selepas berumah tangga keadaannya tidak begitu lagi. Beliau kalau tidur pun di masjid, tidaklah sekerap semasa bujang dahulu. Ini kerana orang lelaki yang sudah berumah tangga terikat dengan banyak tanggungjawab lain selain tanggungjawab menjaga ahli keluarga dan rumah tangganya. (8) Hadits-hadits yang sahih dan tinggi kedudukannya seperti yang tersebut di dalam Sahih Bukhari ini tidak melarang orang-orang lelaki tidur dan duduk di dalam masjid seberapa lama mereka mahu selagi mereka menjaga adab-adabnya.

⁶³⁴ Saiyyidina `Ali bukan anak pak cik (bapa saudara) Fathimah. Ertinya ayah `Ali iaitu Abu Thalib bukan saudara Nabi s.a.w. tetapi dia adalah pak cik (bapa saudara) Nabi s.a.w. Kalau begitu kenapa pula Baginda s.a.w. bertanya: "Di mana anak pakcikmu?" Ada dua jawapannya. (1) Di sini Rasulullah s.a.w. telah menggunakan bahasa majaz. Bentuknya ialah مجاز الحذف (bahasa buang). Majaz dalam bentuk ini seringkali digunakan oleh orang-orang `Arab dalam percakapan mereka. Di dalam pertanyaan itu ada sesuatu yang dibuang sebenarnya. Pertanyaan itu asalnya adalah begini: أَيْنَ ابْنُ عَمَلِكٍ Bermaksud: Di Mana anak pak cik (bapa saudara) ayahmu? Jadi yang dibuang dalam pertanyaan ini ialah perkataan أَبِي atau ayah selepas perkataan عَم. (2) Mengkut qaedah muhawarah (percakapan) bahasa `Arab perkataan ابْنُ عَم selalunya digunakan untuk seseorang yang disayangi. Ia boleh juga digunakan apabila dimaksudkan berlembut dengan seseorang. Perkataan ابْنُ عَم di dalam ayat-ayat seperti ini tidak dipakai dengan ma'na asalnya iaitu anak pak cik atau sepupu.

Sambil menyapu tanah dari tubuhnya Rasulullah s.a.w. berkata: “Bangunlah wahai Aba Turab, bangunlah wahai Aba Turab.”⁶³⁵

٤٢٣ - حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ عِيسَى قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ فَضِيلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي حَازِمٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ لَقَدْ رَأَيْتُ سَبْعِينَ مِنْ أَصْحَابِ الصُّفَّةِ مَا مِنْهُمْ رَجُلٌ عَلَيْهِ رِدَاءٌ إِلَّا إِزَارٌ وَإِمَّا كِسَاءٌ قَدْ رَبَطُوا فِي أَغْثَائِهِمْ فَمِنْهَا مَا يَبْلُغُ نِصْفَ السَّاقَيْنِ وَمِنْهَا مَا يَبْلُغُ الْكَعْبَيْنِ فَيَجْمَعُهُ بِيَدِهِ كَرَاهِيَةً أَنْ تَرَى عَوْرَتَهُ

423- Yusuf bin `Isa meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Fudhail meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya daripada Abi Hazim daripada Abi Hurairah, katanya: “Aku telah melihat tujuh puluh orang ahli Shuffah (sahabat-sahabat yang tinggal di serambi masjid Nabi s.a.w.). Tiada seorang pun daripada mereka itu mempunyai selendang. Yg ada cuma kain pakai atau selembur kain yang mereka ikat di leher. Ada antaranya sampai ke separuh (tengah) betis dan ada yang sampai ke buku lali. Kain

⁶³⁵ Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Rasulullah s.a.w. sangat mengambil berat tentang anak menantunya. (2) Berkunjung ke rumah anak menantu merupakan salah satu sunnah Nabi s.a.w. (3) Seseorang ayah boleh masuk ke rumah anak perempuannya yang telah bersuami tanpa mendapat keizinan suaminya terlebih dahulu. Demikian juga dia boleh masuk ke rumah menantu perempuannya tanpa mendapat keizinan anak lelakinya. (4) Keharusan memujuk seseorang supaya mengasihani atau mema'afkan seseorang yang lain dengan menyebutkan perhubungan kekeluargaan yang terjalin di antara mereka berdua. (5) Orang yang senang dan bermukim (tidak bermusafir) juga boleh (dibenarkan) tidur di dalam masjid di kawasan perumahannya sama ada pada waktu siang atau pada waktu malam. Hadits di atas menyebutkan `Ali tidak tidur di rumah pada tengah hari berkenaan malah beliau pergi tidur di masjid. (6) Boleh memanggil seseorang dengan sesuatu nama julukan (gelaran) yang tidak menimbulkan kemarahannya, bahkan gelaran itu sangat disenangnya. (7) Memujuk dan mendamaikan suami isteri yang sedang marah adalah satu perbuatan yang baik. Ia juga merupakan salah satu sunnah Nabi s.a.w. (8) Perkataan غَضَبْنِي adalah binaa' musyarakah. Ia menunjukkan `Ali dan Fathimah saling menimbulkan kemarahan satu sama lain tetapi kemarahan Fathimah melebihi kemarahan `Ali. Ertinya menurut Fathimah `Ali telah melebihinya dalam menimbulkan kemarahan. Ini dapat diketahui daripada ضمير متكلم (ganti nama pertama) yang meruju' kepada Fathimah itu menjadi maful. (9) Menurut tradisi `Arab, seseorang lebih senang dipanggil dengan (nama) kunyahnya berbanding nama sebenarnya. Sekiranya seseorang lelaki mempunyai anak bernama Ahmad, dia akan lebih suka dipanggil Abu Ahmad. Seseorang perempuan yang mempunyai anak lelaki misalnya bernama `Abdullah atau anak perempuan bernama Lathifah, akan lebih senang dipanggil Ummu `Abdillah atau Ummu Lathifah. Begitu juga jika bapa seseorang bernama `Umar, dia akan lebih suka dipanggil Ibnu `Umar. Tetapi adakalanya kunyah tidak dikaitkan dengan anak, ibu atau bapa seseorang, bahkan ia dikaitkan dengan sesuatu sifat atau peristiwa tertentu yang sangat disenangnya seperti Abu Turab kepada Saiyyidina `Ali. (10) Hadits di atas memaparkan punca gelaran atau julukan Abu Turab untuk Saiyyidina `Ali. Abu Turab bermaksud orang yang tubuhnya terkena tanah atau berlumuran dengan tanah kerana dia telah tidur di atas tanah. Gelaran ini sangat disukai `Ali, beliau selepas peristiwa itu lebih senang dipanggil Abu Turab. (11) Perselisihan yang kadang-kadang berlaku di antara suami isteri sehingga membangkitkan kemarahan mana-mana pihak, masih boleh dianggap normal selagi tidak melampaui batas. Sebab itulah ia tetap berlaku walaupun di antara orang-orang yang mulia seperti Fathimah dan `Ali. (12) Keharusan menyuruh seseorang pergi menyalak sesuatu, kemudian membawa apa-apa ma'lumat yang diperolehi mengenainya. (13) Watak Nabi s.a.w. yang begitu lembut dan penyayang terhadap anak menantunya jelas terpampang di dalam hadits di atas. Ia patut sekali dicontohi ummat. Lihat betapa baiknya Rasulullah s.a.w. sebagai mertua apabila Baginda s.a.w. menyapu tubuh menantunya `Ali r.a. yang berlumuran tanah sambil memanggilnya dengan (nama) gelaran yang berbaur pujukan. (14) Masjid Nabi s.a.w. itu di peringkat awalnya adalah terlalu ringkas. Lantainya tidak beralaskan apa-apa selain tanah dan pasir.

yang dipakai itu (lantaran terlalu kecil / pendek) dipegangnya dengan tangan kerana takut auratnya tertedah.”⁶³⁶

باب الصلاة إذا قدم من سفر وقال كعب بن مالك كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا قدم من سفر بدأ بالمسجد فصلى فيه

32- Bab Sembahyang Apabila Seseorang Itu Pulang Dari Sesuatu Perjalanan.⁶³⁷
Ka'ab Bin Malik Menceritakan: "Nabi S.A.W. Apabila Pulang Dari Sesuatu

⁶³⁶ Antara petunjuk dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Abu Hurairah menceritakan beliau sempat melihat tujuh puluh orang sahabat dari kalangan Ahli as-Shuffah (sahabat-sahabat yang tinggal di serambi masjid Nabi s.a.w.). Abu Hurairah sendiri adalah salah seorang Ahli as-Shuffah. (2) Bilangan Ahli as-Shuffah mengikut Abu Nu'aim di dalam kitabnya Hilyatu al-Auliya' hampir seartus orang. Sesetengah 'ulama' mengatakan dua ratus orang bahkan ada juga 'ulama' mengatakan sampai lima ratus orang. Mereka ada ketikanya ramai dan ada ketikanya pula sedikit. Bilangan mereka akan menjadi sedikit apabila mereka keluar berperang atau bermusafir ke mana-mana tempat untuk berda'wah dan menyebarkan agama. Sebahagian ahli shuffah akan meninggalkan shuffah apabila mereka mendapat sesuatu pekerjaan yang membolehkan mereka berdikari dalam penghidupan. Sebahagian mereka pula akan meninggalkannya apabila berumah tangga. (3) Keadaan Ahli as-Shuffah pada waktu itu sangat dha'if sehingga tidak ada seorang pun antara mereka memiliki pakaian yang lengkap. (4) Shuffah atau serambi masjid Nabi s.a.w. pada ketika itu selain merupakan ruang penginapan para pengunjung dan para tetamu Nabi s.a.w, ia juga merupakan asrama putera yang menempatkan murid-murid Rasulullah s.a.w. (5) Dalam sejarah Islam, serambi masjid Rasulullah s.a.w. itu merupakan asrama pertama untuk para pelajar dan ahli 'ibadat. (6) Selain menghafal al-Qur'an dan al-hadits, Ahli as-Shuffah juga mendalami isi kandungan kedua-dua sumber ajaran Islam itu. Ada juga antara mereka golongan yang lebih menumpukan perhatian kepada sudut-sudut kerohanian daripada ajaran Islam. Kehidupan mereka penuh dengan sembahyang, puasa, zikrillah, tazkiyatu an-nafs (penyucian jiwa), pengamatan terhadap ke'ajaiban-ke'ajaiban ciptaan Allah dan sebagainya. (7) Shuffah atau serambi masjid Rasulullah s.a.w. itu adalah sebahagian daripada masjid Baginda s.a.w. Apabila ia menjadi tempat tinggal Ahli Shuffah, sudah tentulah mereka juga akan tidur di dalamnya. Dengan itu terbukti bahawa Imam Bukhari bahawa orang lelaki boleh tidur dan tinggal di dalam masjid tanpa makruh selagi ia tidak mempunyai tempat tinggal yang lain. (8) Kemungkinan berihtilam tidaklah menjadi penghalang kepada seseorang untuk tinggal dan tidur di dalam masjid. Bagaimanapun dia hendaklah menjaga adab-adab masjid. (9) Dalam keadaan 'aurat mungkin terdedah semasa bersembahyang, seseorang dikehendaki menjaganya dengan apa cara sekalipun. Di luar sembahyang juga dia berkewajipan menjaga 'auratnya daripada terdedah.

⁶³⁷ Sembahyang ini dinamakan صلاة القنوم من السفر (sembahyang sunat apabila sampai ke rumah / ke kampung halaman dari perjalanan). Ia termasuk dalam salah satu sunnah Nabi s.a.w. Ia bukan sembahyang تحية المسجد. Tetapi apabila seseorang mengerjakannya, tidak perlu lagi dia mengerjakan sembahyang تحية المسجد, kerana ia telah pun termasuk di dalamnya. Sembahyang ini lebih elok dikerjakan di masjid, bagaimanapun ia boleh juga dikerjakan di rumah. Selain bermaksud menyatakan adanya apa yang dinamakan sembahyang sunat apabila sampai ke rumah / ke kampung halaman dari perjalanan, perbuatan Nabi s.a.w. ini tidak sunyi daripada hikmat yang lain. Antara hikmatnya ialah: (1) Menyatakan kesyukuran kepada Allah atas nikmatNya menyampaikan kembali orang yang keluar bermusafir ke rumah atau ke kampung halamannya dengan selamat sejahtera. (2) Memulakan kehidupan harian selepas pulang dari perjalanan dengan keberkatan masjid. (3) Memberi peluang kepada sanak saudara dan anak buah untuk bertemu mata di tempat yang selesa dan terbuka. Hikmat ini lebih terserlah keperluannya pada pemimpin keluarga dan ketua masyarakat. (4) Memberi peluang kepada isteri dan lain-lain mengemaskan diri dan rumah sebelum si suami memijakkan kakinya ke dalam rumah. (5) Apabila keluarga di rumah mendapat tahu bahawa suaminya, ayahnya atau anaknya dan lain-lain sudah sampai dan dia sekarang sedang berada di masjid, sempatlah mereka menyiapkan makanan atau minuman dan sebagainya yang mungkin perlu disiapkan. (6) Secara tidak langsung sunnah Nabi s.a.w. ini mengajarkan kepada kita bahawa tidak elok pulang ke rumah dengan mengejut atau secara tiba-tiba tanpa terlebih dahulu memberitahu kepada keluarga.

*Perjalanan, Akan Singgah Di Masjid Dahulu Lalu Bersembahyang Di Dalamnya.*⁶³⁸

٤٢٤ - حَدَّثَنَا خَلَادُ بْنُ يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا مِسْعَرٌ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَارِبُ بْنُ دَثَارٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ قَالَ مِسْعَرٌ أَرَاهُ قَالَ ضَحَى فَقَالَ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَكَانَ لِي عَلَيْهِ دَيْنٌ فَقَضَانِي وَرَأَدَنِي

424- Khallaad bin Yahya meriwayatkan kepada kami, katanya: Mis`ar meriwayatkan kepada kami, katanya: Muharib bin Ditsaar meriwayatkan kepada kami daripada Jabir bin `Abdullah, katanya: “Saya pergi kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. sedang berada di masjid. Kata Mis`ar: “Saya rasa dia (Muharib) berkata: (Jabir pergi) Pada waktu Dhuha.”<sup>639</sup> Maka Nabi s.a.w. bersabda: “Sembahyanglah dua raka`at.” (Kata

⁶³⁸ Cerita Ka`ab bin Malik yang dikemukakan secara ta`liq oleh Bukhari di sini adalah sebahagian daripada hadits beliau yang panjang berkenaan dengan kisah ketinggalannya daripada ikut serta dalam peperangan Tabuk bersama Nabi s.a.w. dan kisah penerimaan taubatnya. Imam Bukhari akan mengemukakanya dengan lengkap bersanad di akhir Kitab al-Maghazi nanti. Hadits Ka`ab ini jelas menunjukkan tajuk bab yang dibuat oleh Bukhari. Melalui hadits Ka`ab ini Bukhari mahu menyabitkan (membuktikan adanya) kesunnahan sembahyang sunat apabila sampai ke rumah atau ke kampung halaman dari perjalanan, berdasarkan perbuatan Rasulullah s.a.w. dan melalui hadits Jabir di bawahnya pula beliau mahu menyabitkan kesunnahannya berdasarkan suruhan atau qaul Baginda s.a.w. Dengan adanya hadits berupa suruhan ini, hilanglah kekeliruan tentang khususnya sembahyang itu dengan Rasulullah s.a.w. sahaja. Jika dilihat kepada hadits Jabir di bawah bab ini, tidak jelas ia menunjukkan Jabir disuruh Nabi s.a.w. bersembahyang dua raka`at sekembalinya dari perjalanan. Tokoh besar seperti Hafiz Mughulthai juga terleka di sini apabila dia berkata: “Tidak terdapat di dalam hadits ini apa yang dikehendaki Bukhari dengan tajuk bab yang dibuatnya. Kerana orang masih boleh berkata, di mana ada dalil di dalam hadits ini yang menunjukkan Jabir (baru) pulang dari perjalanan? Demikianlah komen Hafiz Ibnu Hajar terhadap Mughulthai. Sebenarnya hadits Jabir diulang sebut oleh Bukhari sebanyak dua puluh lima kali di dalam Sahihnya ini. Ada yang diringkaskan seperti hadits di bawah bab di atas. Ada yang dikemukakan dengan panjang lebar dan lengkap. Ada yang disebutkan secara ta`liq dan ada juga yang dikemukakan beliau secara musnad (dengan lengkap bersanad). Kata Kirmaani: “Hadits ini adalah ringkasan daripada hadits panjang yang disebutkan oleh Bukhari di dalam Kitab Jual beli dan lain-lain. Di dalamnya Jabir menceritakan, katanya: “Pernah aku bersama Nabi s.a.w. dalam satu (perjalanan untuk) peperangan. Baginda s.a.w. telah membeli daripadaku seekor unta dengan harga satu auqiah. Rasulullah s.a.w. sampai dahulu (ke Madinah). Apabila aku sampai keesokan harinya, aku dapati Rasulullah s.a.w. berada di pintu masjid. Baginda bertanya aku: “Baru sampai? Aku menjawab: “Ya.” (Seterusnya) Baginda s.a.w. bersabda: “Masuklah bersembahyang dua raka`at (dahulu)...” Di sinilah letaknya suruhan Rasulullah kepada Jabir supaya bersembahyang dua raka`at sunat apabila sampai ke rumah atau ke kampung halaman dari perjalanan. Ia walaupun tidak tersebut di dalam hadits Jabir yang ringkas di bawah bab di atas, tetapi memang tersebut di dalam hadits Jabir di dalam bab-bab yang lain. Perlu sekali diingat bahawa salah satu cara dan qaedah (metodologi) Imam Bukhari dalam penyusunan bab dan hadits di bawahnya di dalam Kitab Sahihnya ini ialah dengan mengisyaratkan sahaja kepada hadits berkenaan yang lebih panjang dan terperinci di bawah bab-bab yang lain. Itulah yang dilakukan oleh Bukhari di sini.

⁶³⁹ Dari sini sesetengah `ulama` mengatakan sebenarnya sembahyang yang disuruh Nabi s.a.w. supaya dikerjakan oleh Jabir itu ialah sama ada sembahyang Tahiyatu al-masjid atau sembahyang Dhuha, bukannya sembahyang kerana sampai ke rumah atau ke kampung halaman dari perjalanan. Daripada perbincangan yang lalu dapat disimpulkan bahawa pendapat yang benar dalam masalah ini ialah pendapat Bukhari dan jumhur `ulama`. Perkataan “Dhuha” yang tersebut di sini juga dipegang oleh sesetengah `ulama` yang berpendapat sembahyang tidak boleh dikerjakan pada waktu-waktu yang terlarang, walaupun ada sebabnya. Padahal semata-mata tersebutnya perkataan dhuha di sini tidaklah